

Perlembagaan Itqan Muluk dan Nasionalisme Melayu-Islam

Itqan al-Muluk Constitution and Malay-Muslim Nationalism

RAHIMIN AFFANDI ABD. RAHIM¹, ABDULLAH BUKHARI ABDUL RAHIM², RIDZWAN AHMAD³ & MUHAMMAD IKHLAS ROSELE⁴

ABSTRAK

Perlembagaan Itqan Muluk membuktikan keilmuan Melayu-Islam di Tanah Melayu dan sebagai bukti kearifan tempatan Melayu-Islam dalam menjalani kehidupan bernegara. Terkandung di dalamnya tentang bagaimana cara masyarakat Melayu menangani masalah negara dan berhadapan dengan cabaran penjajahan kuasa asing. Oleh kerana itulah artikel ini akan cuba menganalisis konsep nasionalisme Melayu-Islam yang difahami dalam Perlembagaan Itqan Muluk. Ia juga bakal menunjukkan keunggulan teori, world-view dan pemikiran sarjana Melayu sendiri berbanding dengan teori nasionalisme barat. Kajian mendapati bahawa perlembagaan Itqan Muluk memainkan peranan penting dalam penjagaan nasionalisme masyarakat Melayu tanpa mengabaikan ketinggian syariat Islam di Tanah Melayu.

Kata Kunci: Perlembagaan Itqan Muluk; nasionalisme; Melayu; Islam

ABSTRACT

Itqan al-Muluk constitution proves Malay-Muslim knowledge in Malay World as well as local wisdom of Malay-Muslim in their statehood. It contains how Malay people solving their country problems and facing colonizers and outsiders. Therefore, this article will analyze Malay-Muslim's nationalism concept based on Itqan al-Muluk Constitution. It also will prove the excellences of Malay scholars thoughts, world-view dan theories compared to western nationalism. As a result, Itqan al-Muluk Constitution played an important role in Malays nationalism protection in Malay World without neglecting the Syariah.

Keywords: Itqan al-Muluk constitution; nationalism; Malay; Muslim

PENGENALAN

Allah telah menganugerahkan kepada setiap manusia sumber wahyu dan akal yang mengajar mereka berfikir, mencipta dan menganalisis bagaimana kaedah terbaik menjalani kehidupan seharian. Akal dan wahyu mampu dipergunakan sepenuhnya dalam membentuk hubungan sesama makhluk dan menghadapi fenomena alam. Perlembagaan Itqan Muluk adalah bukti kearifan tempatan manusia Melayu-Islam di Tanah Melayu menjalankan kehidupan bernegara. Terpenting lagi ia mengandungi cara bagaimana masyarakat Melayu menangani masalah negara dan berhadapan dengan cabaran penjajahan kuasa asing.

Penjajahan British di Tanah Melayu telah menyebabkan berlaku proses penaklukan epistemologi yang agak ketara. Bukan setakat mereka menjajah kawasan geografi dan memerah hasil bumi tanah Melayu, mereka menetapkan bagaimana pemikiran bagi kehidupan bermasyarakat

perlu dijalankan. Konsep ilmu dalam segenap bidang kononnya hanya boleh dicapai melalui pendekatan atau kerangka epistemologi barat.⁵ Ia menunjukkan seolah-olah otak Melayu tidak mampu mengusahakan formula kehidupan bermasyarakat. Maknanya, soal bagaimana menjalankan kehidupan (politik, ekonomi, sosial dan ilmu) hanya perlu menggunakan sistem epistemologi sekular barat.⁶ Berasaskan latar belakang ini, artikel ini akan cuba menganalisis konsep nasionalisme Melayu-Islam yang difahami dalam Perlembagaan Itqan Muluk. Ia juga bakal menunjukkan keunggulan teori, *world-view* dan pemikiran sarjana Melayu sendiri berbanding dengan teori nasionalisme barat.

KONSEP NASIONALISME MELAYU-ISLAM DI ALAM MELAYU

Kita boleh mengemukakan beberapa konsep dan teori yang berkaitan nasionalisme Melayu-Islam.

SEMANGAT 'ASABIYYAH SEBAGAI ASAS SESUATU TAMADUN

Sifat sayangkan tanah air adalah fitrah mulia yang jadi pendorong lahirnya kerajaan Islam. Baginda Rasulullah SAW sendiri menggambarkan perasaan ini dengan sabdanya ketika diusir dari Mekah:

وَاللَّهِ إِنَّكَ لَخَيْرُ أَرْضِ اللَّهِ وَأَحَبُّ أَرْضِ اللَّهِ إِلَيَّ وَلَا أَنِّي
أُخْرِجْتُ مِنْكَ مَا خَرَجْتُ

“Demi Allah! Sesungguhnya engkau (wahai mekah) adalah sebaik-baik bumi Allah, juga negeri Allah yang paling dicintainya. Kalaulah bukan kerana aku diusir keluar darinya (oleh penduduk Mekah) aku tidak akan sama sekali meninggalkanmu”

(Sunan al-Tirmidhi (3860), Sunan Ibn Majah (3099),
Musnad Ahmad (17966).

Demi memujuk baginda agar tabah menghadapi dugaan berpisah dari tanah air, Allah menjamin kejayaan perjuangan baginda dengan FirmanNya:

“Sesungguhnya Allah yang mewajibkan kepadamu (beramal dan menyampaikan) Al-Quran (wahai Muhammad) sudah tentu akan menyampaikan engkau lagi kepada apa yang engkau ingini dan cintai.”

(al-Qasas 28:85)

Maksud perkataan “apa yang engkau ingini dan cintai” dalam ayat ini ditafsirkan sebagai kejayaan Baginda SAW menakluki kembali dan membuka kota Mekah pada tahun ke lapan Hijrah (Sahih al-Bukhari [4400]).

Kerajaan Islam ini diperlukan bagi melaksanakan pelaksanaan syariah dan memungkinkan syiar Islam berkembang pesat di samping mewujudkan perpaduan ummah Islam. Atas dasar ini Ibn Khaldun menegaskan bahawa fitrah dan sifat sayangkan bangsa sendiri adalah anugerah Allah pada setiap manusia. Ia umpama alat kelamin yang disediakan Allah untuk semua manusia. Andainya alat kelamin ini digunakan untuk tujuan yang haram ia menjadi salah dan andainya digunakan untuk tujuan yang betul ia dapat menjadi asas kekuatan diri. Begitu juga seandainya manusia dilahirkan tanpa mempunyai alat kelamin ia akan dianggap sebagai tidak sempurna. Secara rasionalnya kita mengakui bahawa andainya manusia dilahirkan tanpa alat kelamin ia akan dianggap sebagai tidak lengkap. Ini kerana dengan bantuan alat kelamin ini banyak manfaat yang bakal terhasil untuk kepentingan manusia. Jadi, secara logiknya alat kelamin ini, ada ataupun tiada bukan menjadi masalah besar tetapi mesti tertakluk kepada ketaatan kepada hukum Allah.⁷

Bagi Dr. Burhanuddin Helmi, memang semangat sayangkan tanah air ini mempunyai hubungan simbiotik (saling berkait) dengan Islam. Terdapat empat elemen yang berkaitan dengan semangat sayangkan bangsa ini iaitu iman, diri, bangsa dan watan. Iman berdiri di atas diri. Diri berdiri di atas bangsa dan bangsa mesti berdiri di atas watan. Seperti mana manusia perlukan kebebasan dan kemerdekaan untuk hidup dan melayakkannya dikenakan taklif syarak, maka kemerdekaan bangsa dan watan sangat diperlukan untuk memastikan agama dapat ditegakkan di atas bumi.⁸

SEMANGAT 'ASABIYYAH DALAM SEJARAH ALAM MELAYU

Dalam sejarah Alam Melayu, solidariti dan perpaduan di atas nama bangsa Melayu memang bertepatan dengan kehendak Islam. Hal ini boleh dilihat daripada beberapa fakta utama;

Pertama; masyarakat Melayu memaklumi bahawa sifat sayangkan tanah air, masyarakat dan bangsa sendiri memang merupakan fitrah yang diberikan Allah kepada semua manusia. Ianya bukan perkara yang salah bahkan dituntut demi mewujudkan perpaduan untuk kelompok tertentu. Namun begitu, mereka juga memaklumi bahawa perpaduan berasaskan kelompok sendiri tidak boleh mengatasi ketetapan agama yang lebih tinggi. Ada masanya apabila berhadapan dengan kepentingan agama yang lebih tinggi, kesetiaan pada bangsa sendiri perlu dileburkan. Contohnya, walaupun seseorang Melayu itu boleh berbangga dengan bangsa sendiri tetapi tidak boleh menyokong bangsanya yang menzalimi bangsa lain. Semangat *asabiyyah* ini berjalan seiring dengan menganggap bangsa lain yang beragama Islam sebagai saudara sendiri. Ia dijelaskan oleh firman Allah pada ayat 10 dan 13 surah al-Hujurat.

Kedua; masyarakat Melayu secara terbuka menerima bangsa yang bukan daripada ras (*race*) Melayu sebagai anggota masyarakat Melayu apabila ianya didasarkan kepada kepentingan Islam. Lebih unik lagi, Islam telah menjadi asas untuk jati diri kemelayuan (*Malayness*)⁹ dan sifat kemelayuan yang begitu sehati dengan Islam ini telah mengakibatkan sebarang serangan yang dibuat terhadap Islam akan dianggap seperti serangan yang dibuat terhadap asas kebudayaan Melayu.¹⁰ Selain itu, sarjana Islam bukan Melayu yang mengamalkan gaya hidup Melayu-Islam serta menghasilkan sebarang sumbangan ilmiah yang berguna kepada

orang Melayu turut diiktiraf sebagai sarjana Melayu Islam. Kenyataan ini dapat dilihat pada tokoh tafsir tempatan seperti Syeikh Abdullah Basmeih yang terkenal dengan karya tafsir unggulnya *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Walaupun berbangsa Arab dan berasal dari Hadramawt Yaman, beliau disenaraikan sebagai sarjana Melayu Islam kerana karya tafsirnya yang berbahasa Melayu serta menjadi rujukan utama orang Melayu Islam menyebabkan beliau turut di bariskan sebagai sarjana Melayu Islam¹¹.

Ketiga; semangat perpaduan ummah Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu mengatasi semangat *asabiyyah* sempit seperti mana difahami dalam *world-view* barat. Proses ini antara lainnya telah menimbulkan semangat perpaduan di kalangan umat Melayu bahawa kedudukan mereka di dalam kerangka tauhid, ummah dan ukhuwah bukan terhad kepada lingkungan kawasan dan sejarah alam Melayu semata-mata bahkan turut membabitkan kesemua umat Islam seluruh dunia dari setiap zaman dengan warisan tamadun yang tinggi.¹² Umat Melayu berasa berbangga menganut Islam yang menjadikan mereka sebahagian daripada serangkaian ummah Islam, seperti mana halnya golongan Arab yang dipandang mulia oleh masyarakat Melayu.¹³ Faktor inilah juga yang menyebabkan di dalam sejarah alam Melayu kerap berlaku penentangan umat Melayu terhadap kuasa penjajah barat yang dianggap sebagai kuasa kafir¹⁴ dan hal ini telah diakui sendiri oleh mubaligh Kristian yang mengatakan bahawa orang Melayu sebagai golongan yang kuat berpegang kepada agama Islam.¹⁵

Keempat; semangat *asabiyyah* Melayu-Islam dan jalinan Ummah Islam ini telah berjaya menghasilkan beberapa elemen positif.¹⁶ Dalam soal ini, kita boleh melihat tiga bentuk jalinan yang berlaku;

- i. Hubungan intelektual berasaskan pemupukan budaya ilmu.¹⁷ Hubungan ini mengatasi sempadan bangsa dan etnik yang berbeza. Ia bersangkutan dengan keperluan kepada tenaga-tenaga ulama untuk menyuburkan Islam di alam Melayu. Hal ini terbukti apabila setiap kawasan di alam Melayu mengamalkan sikap terbuka yang menerima kehadiran seseorang ulama luar (bukan Melayu) dan kerap dilantik sebagai pakar rujuk untuk sesuatu institusi Islam.¹⁸ Begitu juga setiap kawasan saling bergantung antara satu sama lain di dalam menentukan sesuatu pegangan keagamaan

Islam. Sebagai contohnya, walaupun Sheikh Nuruddin al-Raniri berasal dari India, tetapi ia telah dilantik sebagai pakar rujuk utama untuk kerajaan Aceh.¹⁹ Begitu juga banyak persoalan agama yang rumit yang berlaku dalam kerajaan Melaka telah dirujuk secara rasmi kepada jemaah ulama di Aceh²⁰.

- ii. Hubungan politik dan diplomatik Islam antara kerajaan alam Melayu dengan kerajaan Islam dunia. Hubungan politik ini telah mampu memperkukuhkan keadaan politik dalaman sesebuah kerajaan Melayu Islam.²¹ Mana-mana musuh asing yang beragama selain Islam seperti Kristian dan Buddha yang bertindak mencerooboh sesebuah wilayah umat Islam akan dianggap sebagai musuh dan kerap kali bantuan ketenteraan telah turut diberikan oleh kerajaan Islam alam Melayu yang lain.²²
- iii. Kuasa politik kesultanan Islam di alam Melayu telah menjemput ulama Islam asing selaku penasihat untuk usaha pemerintahan negara,²³ yang sekali gus turut menjalin hubungan erat dengan pemerintah kota Mekah. Hubungan ini telah mendedahkan alam Melayu kepada masyarakat Islam di Timur Tengah yang kemudiannya secara langsung telah memesatkan lagi jalinan intelektual antara kedua kawasan ini.²⁴ Oleh kerana itu para pengkaji yang membuat kajian tentang sarjana Islam di Mekah mendapati ramai sarjana Melayu berpangkalan di Mekah seperti pengarang kitab Tafsir Murah Labid iaitu Muhammad Nawawi al-Jawi. Kitabnya ini terdiri daripada dua jilid yang ditulis sepenuhnya dalam bahasa Arab²⁵

PENCETUS DAN PENJAGAAN NASIONALISME MELAYU-ISLAM DI TANAH MELAYU

Kesedaran nasionalisme Melayu di Tanah Melayu timbul hasil kesedaran daripada perjuangan ulama bangsa Melayu dan bukannya secara mutlak hasil kesungguhan penjajah British yang memperkenalkan kesedaran pemodenan- nasionalisme di Tanah Melayu.²⁶ Apabila British datang menjajah Tanah Melayu dengan matlamat kononnya ingin membawa kemajuan dan mentamadunkan Tanah Melayu, bibit-bibit nasionalisme barat telah diperkenalkan. British telah memperkenalkan dasar pecah dan perintah di setiap negeri Melayu sehingga menyebabkan hilangnya perpaduan ummah Melayu. Taktik jahat ini yang dibuat secara diplomasi halus dan kotor sedikit sebanyak telah melahirkan *asabiyyah* sempit

di kalangan ummah Melayu.²⁷ Ia bersesuaian dengan *world-view* nasionalisme barat yang berasaskan kawasan (nation state) dan bangsa tertentu tanpa bergantung kepada lunas-lunas syariah agama. Untuk tujuan itu, pihak British telah mendidik beberapa kerat anak bangsawan peribumi Melayu dengan falsafah sekularisme. Mereka ini memang terpengaruh dengan *world-view* nasionalisme barat yang sempit bagi memperjuangkan nasionalisme Melayu. Apa yang berlaku adalah memang wujud elit tajaan British yang menjadi pemimpin yang meneruskan *world-view* British dalam pemerintahan negara.

Di zaman pasca merdeka, telah timbul kesedaran di kalangan masyarakat Melayu bahawa nasionalisme tanah air Melayu-Islam perlu kepada penjagaan beberapa elemen; agama, tanah, kebudayaan, bahasa dan raja. Jika dilakukan analisis induktif terhadap sejarah kebudayaan Melayu di alam Melayu, kita akan bersetuju bahawa survival masyarakat Melayu bergantung sepenuhnya kepada empat asas yang utama;

1. Ajaran Islam - yang menjadi asas jati diri dan kebanggaan manusia Melayu.
2. Tanah – Kawasan geografi khusus yang menempatkan masyarakat Melayu. Identiti, jati diri dan rasa kebanggaan sesuatu manusia itu bergantung sepenuhnya kepada nisbah negara yang dimilikinya. Manusia sebagai makhluk sosial sentiasa mahu dikaitkan dengan sesuatu komuniti ataupun negara yang bakal menjadi kebanggaannya apabila berinteraksi dengan bangsa lain. Sesuatu negara itu hanya boleh wujud seandainya memiliki daerah geografi yang tertentu, rakyat dan sistem pemerintahan yang stabil. Pemeliharaan ketiga-tiga elemen ini perlu dilakukan secara berterusan bagi mengelakkan ianya musnah, seperti mana yang dialami oleh penduduk Yahudi, Palestin dan Aghanistan pada masa sekarang. Setiap bangsa yang terpaksa merempat di negeri orang tanpa tanah air sendiri akan merasakan identiti dan jati diri mereka terhina.
3. Kekuasaan politik – kuasa kerajaan yang bakal menjalankan dasar jangka pendek dan panjang (seumpama DEB)²⁸ demi kepentingan bangsa dan kebudayaan Melayu.
4. Institusi beraja Melayu – sebagai penaung kepada kedaulatan dan ketuanan masyarakat Melayu.

Tanpa keempat-empat asas ini, masyarakat dan kebudayaan Melayu akan menjadi lemah dan bakal menerima nasib yang buruk seperti mana dialami oleh masyarakat Islam Palestin,²⁹ Kurdis dan masyarakat minoriti Islam di negara barat.

Bersama dengan kesedaran ini, telah timbul beberapa perkembangan baru yang menyentuh isu nasionalisme moden.

1. Munculnya kesedaran tentang konsep ketuanan Melayu. Demi untuk mengekalkan survival politik Melayu, berhadapan dengan tekanan politik daripada pihak bukan Melayu, pihak pemerintah Melayu dalam kebanyakan pembentukan dasar negara tetap berusaha mengekalkan prinsip ketuanan Melayu. Mengikut Wan Mohd Nor Wan Daud,³⁰ prinsip ketuanan Melayu ini berpunca dari tiga sebab yang utama; *pertamanya*, sifat awal dan ketinggian tamadun Tanah Melayu yang telah dibina oleh manusia Melayu, *keduanya*, nisbah pengorbanan dan darah manusia Melayu yang telah banyak dicurahkan untuk mempertahankan Tanah Melayu menghadapi penjajahan kuasa luar dan akhirnya *ketiga*, sifat toleransi dan kesudian manusia Melayu menerima bersama golongan bukan Melayu untuk tinggal menetap di Tanah Melayu. Maksudnya, walaupun pihak berkuasa politik Melayu cuba menerapkan prinsip politik ala pluralism demi untuk memastikan perpaduan semua kaum di Malaysia, tetapi asas jati diri dan ketuanan Melayu yang berteraskan Islam masih tetap secara teguh dipertahankan.
2. Timbulnya kesedaran bahawa rakyat perlu mengekalkan nisbah kemerdekaan yang dimiliki oleh negaranya dan melanjutkan kepada generasi yang akan datang. Proses pengekalan dan pengisian kemerdekaan ini perlu diisi bukan setakat dengan mewujudkan pembangunan untuk semua rakyat, termasuk juga dengan usaha dan tanggungjawab menghapuskan kemungkar dan kezaliman yang berlaku di dalam masyarakat.³¹
3. Timbulnya kesedaran bahawa rakyat perlu memiliki semangat patriotisme yang tinggi, merujuk kepada;³²
 - a. Rasa sayang dan cinta kepada tanah airnya sendiri.
 - b. Rasa bangga dengan tanah airnya.
 - c. Kesiediaan untuk mempertahankan tanah airnya daripada ancaman dan serangan musuh samada musuh dalam ataupun luar.
 - d. Kesiediaan untuk membela kepentingan negara apabila dicemuh dan dihina.

ANALISA KONSEP NASIONALISME MELAYU-ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN ITQAN MULUK

PERLEMBAGAAN ITQAN MULUK (PIM) SEBAGAI CERMINAN ZAMAN SILAM

PIM boleh digunakan sebagai bahan untuk mengetahui perkembangan sejarah Tanah Melayu dan Terengganu. Ia mengandungi rakaman sejarah apa yang berlaku di Terengganu – seperti bagaimana sistem pemerintahan Terengganu begitu dinamik membawa semangat Melayu-Islam, ancaman campur tangan British dan perjanjian Bangkok. Semua manuskrip Melayu yang didapati di alam Melayu, termasuklah PIM memang boleh dikategorikan sebagai sumber kearifan Melayu yang cukup berharga. Pihak British walaupun menghina kerangka pemikiran Melayu, secara jelasnya mereka juga tertarik dengan keunggulan formula Melayu. Atas dasar ini British memang mengumpul manuskrip Melayu dalam pelbagai bidang untuk mengetahui bagaimana otak Melayu berfikir. Bahan-bahan ini yang diambil secara haram dan disimpan dalam pelbagai perpustakaan di barat yang kemudian dianggap sebagai sumber *Historiografi* yang mewakili pemikiran masyarakat Melayu.³³ Di zaman selepas merdeka mana-mana penyelidik daripada negara tanah jajahan British atau Belanda yang ingin mengetahui realiti pemikiran milik masyarakat mereka sendiri perlu berkunjung ke negara barat untuk merujuk kepada sumber historiografi ini.³⁴

Atas dasar ini usaha pihak muzium di Malaysia seperti muzium Terengganu yang mengumpul, menjaga dan menyelenggara seminar serta penyelidikan yang berkaitan dengan warisan keilmuan Melayu-Islam perlu disokong kuat oleh semua pihak, terpenting lagi para sarjana di Malaysia. Ia bakal melahirkan pelbagai ilmu, tafsiran dan pendekatan baru dalam bidang keilmuan watan amnya dan Islam khususnya. Terpenting lagi, ia bakal melahirkan horizon ilmu watan yang lebih segar untuk kepentingan masyarakat Islam. Pendekatan yang diusahakan oleh muzium Terengganu ini yang bukan menumpukan kepada upacara rasmi semata-mata tetapi lebih menjurus kepada program pengembangan ilmu memang bertepatan dengan konsep budaya ilmu yang bakal menjana percambahan ilmu yang lebih baik lagi. Contohnya hasil wacana ilmu anjuran muzium ini yang berasaskan karya tempatan Melayu tradisi

bakal mendorong pengkaji mengkaji sesuatu konsep itu secara mendalam lagi di peringkat ijazah pasca siswazah.

Secara lebih terperinci lagi, budaya ilmu ini yang perlu diberikan penekanan di dalam kehidupan serta dapat diperincikan melalui beberapa elemen yang utama³⁵:

1. Tindakan menjadikan pencarian ilmu itu sebagai matlamat utama kehidupan melebihi semua matlamat lain seperti matlamat mencari harta benda dan pengaruh.
2. Tindakan yang menghargai semua bentuk ilmu pengetahuan samada ianya tergolong dalam ilmu fardu Ain ataupun fardu Kifayah.
3. Tindakan yang menghargai semua bentuk sumber ilmu merangkumi sumber wahyu, alam semesta, diri manusia sendiri dan juga akal yang waras serta terpimpin.
4. Terlibat secara langsung dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyebaran ilmu pengetahuan.
5. Bertindak mengikut perkiraan ilmu yang benar dan bukannya mengikut dorongan ilmu yang salah serta hawa nafsu.
6. Pencapaian ilmu perlu dijelmakan dalam bentuk praktikal melalui akhlak yang mulia. Tidak ada gunanya, seseorang itu memperoleh pencapaian akademik yang tinggi seandainya tidak mempunyai akhlak yang mulia.
7. Bersikap hormat-kritis terhadap pandangan sarjana silam dengan perkiraan dan neraca kebenaran yang berteraskan sumber wahyu.
8. Bersikap selektif terhadap semua bentuk ilmu pengetahuan menggunakan pendekatan tauhid.
9. Bertindak mengamalkan semua ilmu yang dimiliki secara bersepadu.
10. Budaya ilmu mendapat dukungan penuh pihak kerajaan di dalam setiap dasar negara.

Melihat kepada semua ciri-ciri ini, memang usaha muzium Terengganu ini boleh dikatakan sebagai penjana budaya ilmu yang cukup progresif. Peranan institusi muzium tidak patut dihadkan kepada mengumpul dan mempamerkan hasil tinggalan sejarah silam semata-mata. Ia sepatutnya harus berperanan sebagai pusat pengembangan ilmu. Ia harus mampu memberi makna ilmu sebenar daripada setiap artifak yang dikumpulkan. Sebarang usaha yang tidak dikaitkan dengan ilmu tidak akan dapat bertahan lama dan gagal memberi maklumat ilmu yang dapat mendidik masyarakat.

Peranan muzium yang menjadi arkib sejarah sesebuah tamadun perlu diperluaskan dalam skop yang lebih ilmiah kerana al-Quran sendiri dalam banyak ayatnya menekankan kepentingan meneliti sejarah umat lampau agar kesilapan mereka tidak diulangi oleh generasi akan datang. Lihat sahaja firman Allah pada ayat berikut (Ali 'Imran [3:137], al-An'am [6:11], al-Nahl[16:36], al-Naml[27:69], al-'Ankabut[29:20], al-Rum[30:42], Saba'[34:15-19]). Arahan penelitian oleh al-Quran tidak hanya menyentuh kepada aspek penyimpanan rekod silam tetapi perlu diperkukuhkan kepada usaha analisis dan penghasilan pedoman baru bagi membimbing umat Islam meneruskan kehidupan pada masa hadapan. Oleh itu, pihak muzium juga perlu disokong dengan lebih agresif oleh pihak kerajaan dengan peruntukan dana yang lebih besar bagi menyuburkan kajian ilmiah terhadap karya sejarah sarjana Melayu-Islam silam dan moden.

PIM SEBAGAI BUKTI KEUNGGULAN FORMULA BERNEGARA DAN NASIONALISME ISLAM DI TANAH MELAYU

PIM dapat dijadikan bukti memang wujud bahan *literature* tentang konsep nasionalisme Islam mengikut acuan tempatan di Malaysia sebelum kedatangan British. Walaupun sarjana British selalu menganggap formula Melayu sebagai tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk konsep ilmu sebenar yang penuh dengan elemen feudalism-mitos,³⁶ sejarah membuktikan ianya berjaya dilaksanakan dalam kehidupan bernegara, sehingga melahirkan pelbagai tamadun material dan intelektual yang tinggi.³⁷ Ia menjadi bukti keunggulan pemikiran sarjana Melayu silam. Selain daripada PIM ini negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu memang mempunyai *legal digest*nya yang pelbagai. Tinggal lagi, terserah kepada sarjana di Malaysia mengkajinya untuk kepentingan negara. Ia bakal dijadikan bahan utama untuk mengkaji trend pemikiran Melayu oleh pengkaji akan datang. Sebagai contohnya terdapat beberapa faedah yang bakal diperoleh apabila kajian dibuat terhadap *legal digest* ini.

1. Berbanding dengan *legal digest* lain seperti Hukum Kanun Melaka yang begitu ketara elemen feudalism Melayu,³⁸ ternyata PIM agak berkurangan unsur feudalism ini, tetapi lebih dicirikan dengan semangat dan prinsip Islam sejati. Lebih tepat lagi memang telah berlaku penambahbaikan unsur-unsur Islam dalam *legal*

digest ini kerana faktor pendidikan Islam yang berterusan berkembang dalam masyarakat Islam Terengganu.³⁹

2. Apabila Prof. Ahmad Ibrahim memperjuangkan agar Malaysia menolak penggunaan *English Common Law*, beliau telah meminta beberapa orang sarjana Malaysia mengemukakan realiti wujudnya *Common Law Melayu-Islam* di Malaysia yang berasaskan kepada pelbagai *legal digest* silam ini. Maknanya jauh sebelum kedatangan kuasa British masyarakat Melayu telah pun mengamalkan sistem perundangan yang tersendiri berteraskan ajaran Islam sejati. Sebahagian besar daripada sistem perundangan Islam ini telah menjadi uruf Melayu yang kekal sehingga sekarang.⁴⁰
3. Gesaan untuk melaksanakan perundangan Islam di Malaysia semasa memang ada asasnya yang boleh dirujuk kepada PIM ini. PIM secara terang-terangan menetapkan bahawa syariah Islam perlu dilaksanakan di negeri Melayu Islam Terengganu. Sebagai contohnya Mohd Nazri Chik menegaskan bahawa cita-cita pelaksanaan undang-undang hudud di Malaysia bukanlah perkara baru kerana semangatnya memang telah pun ada dan pernah dilaksanakan dalam masyarakat Melayu Terengganu dahulu.⁴¹

PIM DAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM

Mustahil PIM ini lahir daripada ruang yang hampa dan mesti ada sebab yang mendorong ianya ditulis. Ini membuktikan bahawa sistem pengajian Islam memang berkembang pesat di zaman ini sehingga mampu menghasilkan Perlembagaan Itqan Muluk ini.

Sejarah pendidikan Islam di alam Melayu ternyata telah mampu melahirkan modal insan yang kompeten, termasuklah ilmuwan Islam yang bertindak sebagai penasihat kepada pemerintah. IPT Islam ini bukan setakat membekalkan modal insan biasa, bahkan mengajar mereka sebagai pemikir masyarakat. Memang ada sukatan pelajaran (usul fiqh) yang mengajarkan pelajar kepentingan mengambil kira realiti tempatan Tanah Melayu dalam bertindak.⁴² Ulama ini tidak seperti dikatakan oleh sarjana barat yang hanya bertindak menterjemahkan karya timur tengah semata-mata. Bahkan mereka mampu mengadun ilmu Islam agar sesuai dengan kehendak Tanah Melayu. Maknanya teori ilmu politik Islam ini berjaya dijelmakan dalam bentuk pelan bertindak untuk diamalkan dalam masyarakat.

Ia mengabung prinsip politik Islam dengan ciri-ciri tempatan Terengganu pada masa itu. Mustahil hal ini timbul tanpa wacana ini dijana dan disentuh dalam perbincangan ilmu pada masa itu. Ia juga membuktikan memang wujud interaksi antara negeri Terengganu dengan Timur Tengah⁴³ yang membekalkan maklumat tentang konsep-konsep Islam kepada pemerintah Islam di Terengganu dalam bentuk PIM.

Apa yang menarik lagi, penerimaan konsep-konsep politik Islam ini dibuat secara selektif dan sintesis yang disesuaikan dengan realiti Tanah Melayu. Tidak hairan apabila banyak daripada formula Islam daripada alam Melayu ini telah tersebar kepada masyarakat Timur Tengah. Hal ini kemudiannya dapat memperkayakan lagi bahan keilmuan Islam. Contoh yang lain boleh dilihat dengan formula *Harta Sepencarian* yang diperkenalkan oleh Syeikh Daud Patani di peringkat dunia dan kemudiannya formula ini telah diterima pakai sebagai kaedah yang baku untuk menyelesaikan masalah pembahagian harta selepas berlakunya penceraihan.⁴⁴ Fenomena ini jelas menunjukkan sarjana Melayu-Islam klasik memang memahami Islam dalam konteks yang progresif serta mempamerkan kemampuan mereka berjihad dalam konteks realiti alam Melayu.

Suatu hal yang agak menarik untuk dikaji adalah wujudnya gabungan antara ulama dan umara (pemerintah) yang cukup kuat dalam pentadbiran negeri Terengganu. Ini terbukti apabila ulama memainkan peranan aktif dalam pentadbiran negeri sehingga sekarang. Di zaman Terengganu silam ini, peranan ulama bukan setakat mengasaskan, tetapi terlibat secara maksimum dalam pentadbiran negara. Kita dapat mengetahui bagaimana ulama Terengganu terlibat sebagai penasihat dan meletakkan batu asas kepada perlembagaan negeri. Ianya juga menjadi bukti bagaimana ulama Terengganu bertindak di luar sistem pemerintahan negeri sebagai agen yang menjana dan mencetuskan semangat nasionalisme awal. Hal ini boleh dirujuk kepada kes penentangan Haji Abdul Rahman Limbung.⁴⁵

PIM DAN BUTIRAN NASIONALISME SEJATI.

Secara langsung kita dapat mengesan beberapa inti pati nasionalisme Melayu-Islam yang terkandung di dalam PIM. Ianya terdiri daripada;

1. Semangat sayangkan tanah air sangat diperlukan kerana tanah air merupakan tapak utama untuk dilaksanakan pengabdian kepada perintah

Allah. Hal ini jelas boleh difahami dengan pengisytiharan Terengganu sebagai negeri bangsa Melayu yang berpegang pada prinsip Islam. Dalam soal ini ketinggian syiar dan syariah Islam menjadi prioriti utama kerajaan Islam di Terengganu.

2. Berusaha memastikan tanah air diperintah dengan peraturan yang betul. Ianya juga berusaha memastikan agar penyelewengan pemerintah dan kezaliman tidak berlaku dalam pemerintahan negeri.
3. Berusaha menjaga kebajikan kerabat diraja Terengganu kerana mereka ahli kepada pemerintah Terengganu.
4. Sifat sayangkan tanah air bukannya bersifat eksklusif untuk bangsa Melayu Terengganu semata-mata tetapi terbuka sama kepada bangsa Islam yang lain buktinya bangsa bukan Melayu yang memeluk Islam akan dianggap sebagai saudara sendiri oleh orang Melayu. Ia bertepatan dengan semangat *universality* Islam yang disebut oleh surah al-Hujurat [49: 10 dan 13].
5. Kedaulatan dan kemerdekaan Terengganu wajib dikekalkan daripada dijajah oleh kuasa asing.

Kesemua inti pati ini menjadi bukti bagaimana PIM bukan setakat cuba mengekalkan survival Melayu, bahkan turut mengandungi elemen nasionalisme yang tidak bertentangan dengan nilai Islam. Terpenting lagi, dalam PIM ini dimaktubkan bahawa "*negeri Terengganu sebagai negeri Islam Melayuwiyyah*" secara jelas menerangkan nisbah nasionalisme Melayu-Islam. Ianya merupakan gabungan ulama dan umara' dalam mewujudkan kesedaran kebangsaan di Terengganu. Ia sebagai respons kepada ancaman campur tangan penjajah British di Terengganu. Mereka bertindak sebagai intelektual yang memerhati permasalahan zamannya dan berusaha mengemukakan jalan penyelesaian masalah. Mereka cuba menghalang kemungkinan berlakunya campur tangan British di Terengganu.⁴⁶

Sarjana Melayu yang terlibat dalam menyusun PIM secara langsung bertindak di atas kesedaran nasionalisme Melayu. Mereka mengamalkan kaedah pemikiran saintifik yang aktif dan proaktif serta strategik dalam menghadapi masalah di zamannya. Pemikiran sebegini selayaknya menggambarkan penggubal PIM sebenarnya mujtahid zaman mereka. Mereka bukan sahaja mengamalkan pendekatan pemikiran reaktif, tetapi telah dapat meramalkan apa yang bakal terjadi (pihak sultan akan akur untuk

tunduk dan bernaung di bawah naungan British) dan menyediakan pelan untuk mengatasi hal ini berlaku. Contohnya perkara dalam PIM yang menetapkan *Bahawa Terengganu Ini Negeri Melayuwiyyah* - hal ini terbukti apabila wakil British sendiri mengakui bahawa kerana perkara ini yang menyebabkan British berhadapan dengan masalah mendapatkan persetujuan raja Terengganu untuk bernaung di bawah gagasan *Malayan Union*.

Secara kronologi sejarahnya, PIM merupakan kesinambungan zaman keagungan Islam sebelumnya di Terengganu iaitu daripada era batu bersurat lagi. Memang telah wujud kerajaan Islam yang berdaulat sejak zaman batu bersurat lagi di Terengganu. Tradisi budaya ilmu dan pendekatan yang mengutamakan pemerintahan Islam yang diamalkan di Terengganu di zaman selepas era BBT (batu bersurat Terengganu) telah menjadi *living tradition* yang berpanjangan di Terengganu yang kemudiannya mencetuskan kelahiran PIM.⁴⁷

KESEDARAN KEBURUKAN DASAR PENJAJAHAN KUASA LUAR KE ATAS MASYARAKAT MALAYSIA

Di zaman terkemudian, keburukan penjajahan kuasa British yang telah dimaklumi oleh penggubal PIM, telah mula disedari oleh masyarakat Malaysia. Bersesuaian dengan falsafah yang menyatakan bahawa "*mereka yang tidak dapat mengingat kembali sejarah masa silamnya ditakdirkan untuk mengulanginya*", maka telah timbul kesedaran tentang keburukan penjajahan negara yang perlu sentiasa untuk dipelajari oleh masyarakat Malaysia. Ianya perlu dipelajari bukan secara kosong semata-mata, tetapi perlu memetik pengajaran terbaik bagi memastikan agar takdir sejarah hitam ini tidak berulang lagi di Malaysia. Kita dapat mengesan beberapa perkara yang menjurus kepada kesedaran tentang buruknya penjajahan kuasa barat ke atas masyarakat Melayu.

MERUBAH DEMOGRAFI MASYARAKAT TANAH MELAYU

Sebelum kedatangan kuasa penjajah barat, masyarakat alam Melayu telah pun mempunyai pengalaman berinteraksi dengan pelbagai bentuk masyarakat majmuk (India, China, Jawa, Parsi dan Arab) tanpa mengalami apa-apa masalah sehingga kesemuanya dapat hidup secara harmonis dan bertoleransi.⁴⁸

Keadaan ini mula berubah dengan kedatangan kuasa ras *Caucasian* Eropah, pada mulanya sebagai pedagang biasa yang menawarkan barangan berbahaya seperti senjata api canggih dan candu. Kemudiannya, status ini mula berubah apabila pedagang Eropah ini bergabung sesama mereka membentuk kelompok Syarikat besar (seperti *East Indian Company*) yang bertindak melanggar amalan hubungan harmonis masyarakat alam Melayu dengan memperkenalkan pendekatan kapitalisme dan monopoli mutlak tanpa mempedulikan kebajikan puak yang lain. Dalam banyak hal, ras pedagang Eropah ini telah menjalankan urusan niaga secara tipu helah, putar belit, penindasan dan penjajahan ke atas ras kaum lain. Apa yang cukup memalukan adalah penindasan ini telah dijustifikasikan dengan nama agama (tujuan penyebaran agama Kristian) dan tugas mentamadunkan ras bangsa bukan *Caucasian* yang kononnya perlu ditamadunkan melalui kaedah penjajahan.⁴⁹

Pihak British sebenarnya hanya mementingkan keuntungan material semata-mata dengan mengaut sebanyak mungkin hasil bumi Tanah Melayu untuk dibawa balik ke Britain. Hal ini terserlah dengan pengenalan sistem ekonomi kapitalisme kolonial, yang bercirikan;⁵⁰

1. Penguasaan yang menonjol dan pengerahan modal oleh kekuatan ekonomi asing.
2. Penguasaan terhadap jajahan oleh kuasa asing yang bertindak menurut kepentingannya sendiri.
3. Tingkat tertinggi daripada unsur perdagangan dan industri semuanya dikuasai oleh komuniti penguasa asing.
4. Arah perdagangan eksport dan import negara disesuaikan dengan kepentingan penguasa asing.
5. Lebih condong kepada pola pengeluaran pertanian daripada terhadap perusahaan.
6. Pengembangan keterampilan teknologi dan ilmu pengetahuan sangat sedikit.
7. Organisasi pengeluaran melibatkan tenaga kerja setengah bebas.
8. Ketiadaan kesatuan sekerja atau organisasi buruh untuk melakukan tindakan pemerasan.
9. Sebahagian besar penduduk peribumi tidak terlibat langsung dengan perusahaan kapitalis.

PERUBAHAN BENTUK SOSIO-POLITIK DAN EKONOMI MASYARAKAT TANAH MELAYU

Pihak penjajah British melalui medium politik (bertindak sebagai penasihat Raja-raja Melayu) telah memperkenalkan pelbagai dasar sosioekonomi yang

bersifat berat sebelah yang lebih menguntungkan kepentingan mereka, berbanding dengan kebajikan masyarakat peribumi Melayu sendiri. Dengan kemasukan buruh asing daripada China dan India bagi tujuan menjana perkembangan ekonomi kapitalis penjajah British, yang memerah hasil bumi Tanah Melayu semaksimum mungkin, pihak British telah mengubah bentuk masyarakat yang sedia ada di Tanah Melayu. Secara jelas beberapa perubahan masyarakat telah timbul, seperti;

1. Dominasi dan ketuanan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu melalui sektor politik, sosial dan ekonomi telah mula terhakis.
2. Walaupun pihak penjajah British sering mendakwa mereka menjaga kebajikan masyarakat Melayu, tetapi hal ini tidak berlaku kepada masyarakat Melayu pada keseluruhannya, kerana mereka lebih bertindak bias hanya kepada golongan elit pembesar Melayu semata-mata.
3. Pihak British tidak menyediakan suasana dan kefahaman yang kondusif ke arah mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat di Tanah Melayu. Sebaliknya mereka telah meletakkan asas perpecahan di kalangan masyarakat majmuk, sebagai contohnya menyediakan sistem pendidikan yang berbeza mengikut etnik yang berbeza. Masyarakat India dan China telah diberikan kurikulum pendidikan yang lebih berorientasikan tanah Besar China dan India, manakala masyarakat Melayu telah diberikan sistem pendidikan berbentuk kemahiran asas yang terhad bagi menjadikan mereka petani dan nelayan yang lebih baik sedikit berbanding dengan orang tua mereka.
4. Dasar membahagikan masyarakat Tanah Melayu mengikut kawasan dan status pekerjaan yang berbeza. Kesemua masyarakat awam, terdiri dari masyarakat Melayu, China dan India digunakan hanya untuk memberikan perkhidmatan kepada kuasa British dan sesetengah saudagar China dan pembesar Melayu yang tinggal di kawasan bandar. Kawasan bandar dan tempat strategik di Tanah Melayu seperti kawasan lombong, ladang getah dan pelabuhan besar telah disediakan kemudahan infrastruktur yang baik, yang tidak dapat dinikmati oleh kebanyakan penduduk awam biasa.

PENERAPAN FAHAMAN SEKULARISME (FAHAMAN ANTI AGAMA) DI DALAM MASYARAKAT MELAYU-ISLAM

Sejarah telah mencatatkan bagaimana pada peringkat awalnya, kuasa penjajah British di alam Melayu telah menjalankan dasar yang tidak campur tangan dalam soal agama dan adat resam, tetapi secara realitinya hal yang sebaliknya telah berlaku apabila pihak British turut mencampuri kedua-dua bidang ini dan dalam konteks yang lebih penting lagi pihak British telah cuba menghapuskan potensi dan mekanisme penggerak yang terdapat di dalam ajaran Islam. Di dalam usaha mereka mengkaji tentang cara yang terbaik untuk menghapuskan akar dan asas kekuatan Islam yang selama ini terjalin erat di antara umat Islam di rantau alam Melayu, mereka telah mendapat khidmat nasihat dari serangkaian sarjana-pentadbir orientalis, yang bertugas mengkaji kekuatan dan kelemahan umat Melayu dan seterusnya dicadangkan cara terbaik untuk menangani persoalan ini.⁵¹

Dalam konteks Malaysia, beberapa dasar dan pendekatan utama telah dijalankan oleh penjajah British untuk tujuan penghapusan potensi Islam ini. Antaranya; *pertama*, memperkenalkan konsep *nation state* berasaskan semangat asabiyyah sempit kepada sesuatu negeri dan kawasan yang tertentu menggantikan semangat perpaduan ummah Islam.⁵² Dasar ini lebih merupakan usaha untuk memecahbelahkan perpaduan umat Melayu di rantau ini agar ianya tidak menjadi ancaman kepada kuasa penjajah barat,⁵³ seperti mana apa yang pernah berlaku sebelumnya. Untuk memperjelaskan pendekatan ini, kita boleh merujuk kepada dasar penjajah British dan Belanda yang begitu bimbangankan peranan institusi haji dan pendidikan Islam di timur tengah, yang dimaklumi oleh mereka sebagai pernah menjadi penggerak utama kepada jalinan ukhuwah Islam di rantau alam Melayu.

Kedua, penerapan proses sekularisme di dalam masyarakat Melayu dan memperkenalkan sistem pendidikan barat. Apa yang jelasnya kita boleh melihat bahawa sebab utama berlakunya jalinan perpaduan ini adalah kerana faktor Islam dan ilmu pengetahuan. Jadi, dalam soal ini, pihak British secara halus cuba menghapuskan institusi pengajian Islam tradisional berasaskan pengetahuan Islam dan tulisan jawi.⁵⁴ Kedua-duanya telah dijadikan sasaran utama yang ditonjolkan kepada masyarakat Melayu sebagai ketinggalan zaman, tidak mempunyai nilai-

nilai komersial dan menyekat semangat intelektual moden.⁵⁵ Sebagai gantinya, penjajah British telah memperkenalkan sistem persekolahan British berteraskan pemberian pengetahuan am yang amat terhad dan bersifat perkauman untuk ketiga etnik kaum yang terdapat di Tanah Melayu. Pihak British telah menerapkan di dalam mata pelajaran yang diajarkan bahawa mereka sebagai hero, penyelamat kepada orang Melayu dan *ambassador of civilization* untuk masyarakat di alam Melayu.

Dalam konteks sejarah alam Melayu, kebanyakan sarjana barat telah mengaitkan proses pemodenan yang timbul adalah kerana faktor penjajahan kuasa barat, khususnya pihak British dan menolak hujah bahawa Islam yang meninggalkan pengaruh yang baik ke atas masyarakat Melayu. Antara elemen pemodenan yang kononnya telah dibawa masuk ataupun dipaksakan⁵⁶ ke atas masyarakat Melayu oleh kuasa penjajah British adalah;

1. Mewujudkan kemudahan infrastruktur moden seperti sistem jalan raya, talian telefon, hospital dan sebagainya.⁵⁷
2. Mewujudkan sistem pendidikan *vernakular* ala British untuk tiga etnik kaum yang berbeza.⁵⁸
3. Menanamkan sikap yang lebih terbuka dan keberanian untuk mengkritik kepincangan yang dilakukan oleh pembesar Melayu.
4. Memperkenalkan sistem pentadbiran di semua peringkat yang lebih tersusun termasuklah dalam sektor berkaitan dengan Islam.⁵⁹

Di sebalik serangkaian butiran dan elemen pemodenan ini, kalau kita teliti secara mendalam, akan jelas kepada kita bahawa kesemua contoh pemodenan yang diperkenalkan ini adalah untuk tujuan kepentingan politik dan ekonomi kuasa British dan ianya tidak dilakukan untuk tujuan kebaikan masyarakat Melayu.⁶⁰ Hal ini telah disokong dengan kenyataan oleh seorang sarjana yang menyatakan;

*“While the new urban society became richer and was provided with all the material comforts of civilization, the rural Malays remained in poverty. The Malays had a money economy thrust upon them, but they had little means of earning the same money to buy the goods that came with a money economy. While the British were consciously and deliberately creating a modern economic sistem consonant with world commercial development, the Malays were driven more into the backwoods of economic progress”.*⁶¹

Kenyataan ini secara jelas mendedahkan bagaimana semua nikmat pemodenan yang kononnya diusahakan oleh kuasa British ini tidak

dapat dinikmati oleh orang Melayu, bahkan untuk jangka masa yang panjang kemudiannya telah menimbulkan masalah perpaduan di Tanah Melayu.

Ketiga, pihak British telah melatih dan mendidik segolongan anak-anak raja dan pembesar Melayu dengan nilai-nilai sekularisme barat, sehingga menjadikan mereka sebagai manusia yang berupa paras Melayu tetapi berjiwa dengan semangat sekularisme barat. Kelas pentadbir pilihan British ini telah dirancang khusus untuk menjadikan mereka sebagai pengganti tempat pihak British apabila Tanah Melayu diberikan kemerdekaan kelak, yang barang pastinya akan meneruskan dasar warisan sekularisme ala British di dalam pemerintahan negara yang berdaulat. Perlu diingat, sebelum kedatangan kuasa penjajah British, masyarakat Islam alam Melayu memang boleh dikategorikan sebagai golongan intelektual yang lahir akibat dari sistem pendidikan Islam. Sebagai contohnya, pada permulaan abad ke sembilan belas, kita dapat menyaksikan kelahiran segolongan pelajar Melayu yang belajar di Timur tengah yang terdedah dengan perjuangan Pan-Islamism di bawah pimpinan Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh.⁶² Berbanding dengan tokoh-tokoh nasionalis feodal Melayu⁶³ di Tanah Melayu yang lahir dari sistem pendidikan penjajah yang kebanyakannya menjadikan seseorang pelajar itu berjiwa British dan pro-British, nasionalis-reformis Melayu yang awal ini lebih menjiwai kesedaran Islam yang sejati dan menghayati penderitaan umat Melayu yang disisih dengan dasar penjajahan British.⁶⁴

MENGHILANGKAN SIFAT KEBANGGAAN DAN JATI DIRI YANG DIMILIKI OLEH MASYARAKAT MALAYSIA

Penjajah British telah menerapkan secara tidak langsung pendekatan yang bersifat stereotaip ras yang menetapkan pelbagai sifat negatif kepada semua lapisan kaum di Malaysia. Bangsa Melayu dikatakan sebagai bangsa yang malas, suka berkhayal dan tidak boleh dipercayai, bangsa Cina dihisabkan sebagai bangsa pencandu dan suka berjudi dan bangsa India pula dihisabkan sebagai bangsa yang lemah daya intelektual, pengotor dan kuat minum arak. Pendedahan yang bersifat stereotaip ini bakal menyebabkan semua bangsa Malaysia akan merasa malu dan hilang maruah diri untuk berhadapan dengan bangsa lain di dunia ini. Apa yang lebih buruk lagi, masyarakat Malaysia selepas merdeka akan beranggapan bahawa semua

warisan silam bangsa mereka bersifat rendah dan ketinggalan zaman berbanding dengan warisan yang ditinggalkan oleh warisan tamadun barat, yang juga dikenali sebagai pendekatan *euro-centric*.⁶⁵

SIFAT WASPADA DENGAN FENOMENA GLOBALISASI SEMASA

Terdapat sebilangan sarjana Melayu semasa yang menekankan kepentingan untuk memahami maksud, inti pati dan fenomena sebenar globalisasi ini dengan pandangan yang lebih luas dan holistik. Sebagai contohnya, Mohd. Salleh Hasan telah menerangkan bahawa globalisasi bermaksud proses dunia menjadi ataupun menuju ke arah kesejagatan, yang dapat lebih difahami dengan merujuk kepada empat gejala yang utama; politik (ideologi), ekonomi, pendidikan, teknologi dan budaya.⁶⁶ Apa yang jelasnya, dalam keempat-empat gejala ini, paksi asasnya adalah dikuasai oleh kuasa kapitalis barat⁶⁷ yang rata-ratanya memang menganggap Islam itu sebagai musuh yang utama (*Evil empire*), yang perlu dihapuskan hingga ke akar umbi,⁶⁸ memandangkan hanya Islam sahaja yang secara konsisten dan berterusan menentang hebat fahaman sekularisme tajaan barat, berbanding dengan agama dunia yang lain.⁶⁹

Bagi Lukman Z. Mohamad⁷⁰ dan Abdul Rahman Embong,⁷¹ fenomena globalisasi ini bukanlah perkara baru yang diperkenalkan oleh kuasa barat pada zaman moden ini, tetapi ianya merupakan kesinambungan usaha penjajahan (kolonialisme) kuasa barat yang bermula sejak zaman kolonialisme klasik yang dipaksakan kepada masyarakat dunia ketiga. Maksudnya, fenomena ini tidak lain dan tidak bukan lebih merupakan agenda serangan pemikiran atau *ghawz al-fikr* yang dirancang khusus oleh kuasa barat ke atas umat Islam, bagi tujuan melanjutkan penguasaan mereka terhadap kelangsungan masyarakat Islam.⁷²

Dalam soal ini, bertepatan dengan pandangan sarjana barat yang agak *cynical* terhadap isu globalisasi ini yang dianggap sebagai imperialisme budaya⁷³ dan bahasa⁷⁴ yang dipaksakan oleh kuasa besar terhadap masyarakat dunia ketiga, tokoh reformis Melayu-Islam semasa telah berusaha memperincikan idea asas globalisasi ini, yang terkandung di dalam fahaman pasca modenisme barat. Hasilnya, mereka telah mendapati bahawa isi utama fahaman ini adalah faham sekularisme lama dalam bentuk baru.⁷⁵ Fahaman ini seperti mana halnya dengan fahaman sekularisme klasik

merupakan fahaman yang anti agama dan berasaskan budaya hawa nafsu (*sensate culture*).⁷⁶

Atas dasar inilah yang menyebabkan sesetengah reformis Melayu semasa dapat mengenal pasti agenda terkutuk yang dibawa oleh globalisasi tajaan barat yang antara lainnya menyebar dan meyakinkan negara umat Islam bahawa neraca kemajuan dan pemodenan samada dalam bidang material dan spiritual yang paling betul dan baik adalah mengikut acuan sekular-materialistik-sensist barat. Manakala sebarang usaha untuk menjalankan syariah Allah akan dianggap sebagai ketinggalan zaman, boleh menimbulkan huru-hara dan bakal menyebabkan kemunduran kemanusiaan. Bahkan globalisasi yang kerap diperkatakan dewasa ini adalah sebenarnya usaha penyejagatan nilai-nilai sekular barat ke seluruh dunia.⁷⁷

Lanjutan daripada propaganda globalisasi ini juga telah diwartakan melalui saluran teknologi maklumat dunia bahawa semua produk barat adalah maju, moden, bermutu dan berperikemanusiaan. Hasilnya, di zaman pasca kemerdekaan (neo-Kolonialisme) blok barat telah berjaya meneruskan penjajahan ke atas negara umat Islam dengan senjata yang baru, penguasaan ekonomi global. Hal ini telah ditegaskan oleh Hassan Langgulung dengan;

“Sistem barat ini di mana ada segala-galanya telah memandang negara-negara dan dunia lain tidak lebih dari pasar-pasar besar yang siap untuk membeli barangnya. Sistem ini telah merubah dunia-dunia lain sekadar sebagai bangsa-bangsa pengguna yang akan menurut telunjuknya, sehingga bila negara-negara tadi menjadi merdeka dan dimerdekakan, sebenarnya dari praktiknya negara-negara tadi hanya memperoleh bendera dan lagu kebangsaan, sedangkan segi-segi kehidupan yang lain seperti ekonomi, kebudayaan, bahasa, pemikiran, kesenian dan lain-lain masih tetap menurut cara barat”.⁷⁸

KESIMPULAN

Kita dapat merumuskan beberapa perkara utama. *Pertama*, PIM ini memang mempunyai kepentingan penjagaan nasionalisme bangsa Melayu dan mementingkan ketinggian agama Islam di Terengganu. *Kedua*, semangat nasionalisme Melayu-Islam oleh masyarakat Melayu Terengganu melalui Perlembagaan Itqan Muluk difahami bersifat simbiotik (saling berkait) antara matlamat mendaulatkan syariah Islam dan mengekalkan ketuanan masyarakat Melayu-Islam di negeri Terengganu. Nasionalisme ini bukannya bersifat *asabiyyah* sempit dan ianya telah

mampu mewujudkan sistem masyarakat Islam di Terengganu. *Ketiga*, penggubal Perlembagaan Itqan Muluk secara lebih awal telah memahami keburukan penjajahan kuasa British di Tanah Melayu. Hal ini kemudiannya mula difahami oleh sarjana Melayu-Islam selepas Merdeka, khususnya apabila berhadapan dengan fenomena globalisasi.

NOTA

- 1 Rahimin Affandi Abd. Rahim, PhD, merupakan Prof. Madya Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. email; faqir_ila_rabbih@um.edu.my
- 2 Abdullah Bukhari Abdul Rahim, merupakan Pensyarah Jabatan Tilawah al-Quran, Pusat Bahasa dan Perkembangan Akademik Pra Universiti, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- 3 Ridzwan Ahmad, PhD, merupakan Pensyarah dan Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- 4 Muhammad Ikhlas Rosele, merupakan pelajar pascasiswazah, PhD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. email; ikhlas.rosele@yahoo.com
- 5 Shamsul Amri Baharuddin. Perancangan Pembangunan Negara Selepas Merdeka 1957-1975 : Tinjauan Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Malaysia, dalam Kay Kim, Khoo & Jazamuddin Baharuddin (ed.), Malaysia : Sejarah dan Proses Pembangunan, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. 1983, hlm. 337-339.
- 6 Mohd Hazim Shah Abdul Murad. Epistemology Colonial: Satu Analisis Sistem Ciri dan Kesannya, dalam Mohamad Daud Mohamad (ed.), Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005, hlm. 91-92.
- 7 Saleh Faghizadeh. Sosiologi Sosiologi, (terj. Mohd Fauzi Yaacob), Kuala Lumpur: ITNMB. 2004, hlm. 15-118.
- 8 Kamaruddin Jaffar. 2000. Dr. Burhanuddin Al-Helmy; Pemikiran dan Perjuangan, Kuala Lumpur: IKDAS. 2000, hlm. 48-51.
- 9 Zainal Abidin Borhan. Pantun dan Peribahasa Melayu: Persoalan Jati Diri dan Patriotisme, dalam Abdul Latiff Bakar (ed.), Globalisme dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu, Kuala Lumpur: APMUM. 2000, hlm. 45-58.
- 10 Isabella Bird. The Golden Chersonese and the Way Thither, Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1967, hlm. 20.
- 11 Abdullah Bukhari bin Abdul Rahim. Pemodenan & Pembaharuan di dalam Pengajian Tafsir al-Quran: Kajian ke arah Penubuhan Pengkalan Data Tafsir al-Quran, (Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2004, hlm. 14.
Penyenaraian Syaikh Abdullah Basmeih sebagai salah seorang tokoh pentafsir al-Quran Melayu adalah perlu dan amat berpatutan.
- 12 Rahimin Affandi Abdul Rahim. Kebudayaan Melayu dan Islam Di Nusantara: Satu Analisa Pengkaedahan, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000, Anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, pada 7-8hb. November 2000, hlm. 18-19.
- 13 William Roff. The Origins of Malay Nationalism. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1980, hlm. 41.
- 14 Abdul Rahman Abdullah. Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tarikat, Kuala Lumpur: Penerbit Kintan. 1994.
- 15 Charles Tisdall. Ideas of Mohammedan Malaya, dalam The Missionary Review of the World, v. xxxiv, New York: Funk and Wagnalls. 1916, hlm. 348-349.
- 16 Untuk maklumat yang lebih mendalam lagi tentang konsep Ummah, sila lihat Jaffary Awang (2000), The Notion of Ummah in Islam: The Response of Malay Muslim Intellectuals in Malaysia, (Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan), University of Birmingham, khususnya dalam bab ketiga dan keempat.
- 17 Lihat Wan Mohd Nor Wan Daud. Penjelasan Budaya Ilmu, Kuala Lumpur: DBP. 1997, hlm. 108-109.
- 18 B. J. O. Schrieke. Indonesian Sociological Studies, Bandung: Penerbit Van Hoeve, j. 2. 1957, hlm. 261.
- 19 Abdul Rahman Abdullah. Pemikiran Umat Islam Di Nusantara, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1990, hlm. 127-130.
- 20 Ibid., hh. 99-100.
- 21 Nabir Abdullah. Turki dan Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Sejarah Hubungan Keduanya, dalam Jebat, 1997, Bil. 15, hlm. 129-142.
- 22 Ibrahim Abu Bakar Islamic Modernism in Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1994, hlm. 2-6.
- 23 Abd. Jalil Borhan. Sumbangan Ulama dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu, Jurnal Syariah, 1996, 4(2), hlm 276-277.
- 24 Ibid., hlm. 278.
- 25 Beliau berasal dari Banten Jawa Barat dan menghabiskan masa mudanya belajar di beberapa tempat di Tanah Jawa dan kemudiannya menunaikan haji ke Mekah untuk menuntut ilmu serta menetap di sana. Di Mekah beliau juga telah bertugas sebagai guru dan banyak mendalami berbagai-bagai ilmu agama sehingga ke Mesir dan Syiria. Selain daripada karya tafsir tersebut, beliau banyak menghasilkan berbagai-bagai karya ilmiah di antara yang terkenalnya ialah Matan al-Ajrummyah dalam bidang nahu dan syarh kepada kitab Imam al-Ghazalli Bidayah al-Hidayah. Lihat, C. Snouck Hurgronje. Mekka in The Latter Part of the 19th Century, Leiden: E. J. Brill, 1970, hlm. 268-271.
- 26 Muhammad Redzuan Othman. The role of Makka-educated Malays in the development of early scholarship and education in Malaya, Jurnal of Islamic studies, 1988, 9(2).
- 27 Abdul Aziz Mat Tom, Politik al-Imam, 2000, Kuala Lumpur: DBP
- 28 Abdul Rahman Aziz, Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia, Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia, 2000, hlm. 94-101.
- 29 Zainal Kling, Keranamu Malaysia : Negara itu Adalah Akar Umbi Kehidupan dan Essensi Kewujudan Manusia, dalam Perpaduan, 1999, bil. 3, hlm. 4-11.
- 30 Wan Mohd Nor Wan Daud, Pembangunan di Malaysia: ke Arah Suatu Kefahaman Baru yang Lebih Sempurna, Kuala Lumpur: ISTAC, 2001, hlm. 112-114.

- ³¹ Abdul Rahman Haji Ismail, Nasionalisme Melayu dan Nasionalisme Melayu Setengah Melayu : Satu Perbincangan tentang Soal Permulaannya, dalam Isu-isu Pensejarahan (Esei Penghargaan kepada Dr. S. Suntharalingam), Pulau Pinang : Penerbit USM, 1995, hlm.163-192.
- ³² Awang Hadi Salleh, Patriotisme dan Globalisme Dalam Konteks Pergerakan Bahasa dan Sastra Kebangsaan, dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), Globalisme dan Patriotisme dalam Sastra Melayu : Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastra 1995, Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 1-2.
- ³³ Lihat sebagai contohnya Mohd Farhan Abd Rahman dan Rahimin Affandi Abd Rahim, Undang-undang Islam dalam Masyarakat Melayu: Analisis Terhadap Bentuk Pemikiran dan Pandangan R.O. Winsted, Jurnal Fiqh, 2012, (9) hlm. 87-112.
- ³⁴ Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ruzman Mohd Noor & Nor Hayati Mohd Dahlal, Metodologi Disiplin Occidentalisme Alternatif: Tumpuan Khusus Terhadap Pandangan Orientalis Terhadap Hukum Islam, Jurnal syariah, 2011, 19 (3).
- ³⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud, op. cit, 1997, hlm. 51-67.
- ³⁶ Rahimin Affandi Abd Rahim, Pemodenan dan Kesejahteraan Manusia dari Perspektif Orientalism, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, Fakulti Usuluddin, UNISSA, Brunei, pada 24-25 Februari 2010.
- ³⁷ Rahimin Affandi Abdul Rahim, Formula Ketatanegaraan Melayu-Islam di Alam Melayu: Rujukan Khusus Kepada Perlembagaan Itqan Al-Muluk, kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2012, Pulau Jerjak Rainforest Resort, pada 15-16 Oktober 2012.
- ³⁸ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, Merekonstruksi Sejarah Islam di Alam Melayu: Analisis Occidentalism, Kertas kerja yang dibentangkan di World Congress for Islamic History and Civilization (WOCIHAC 2011), Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, pada 10-11/2011.
- ³⁹ Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Hj. Ismail, Mohd. Kamil Abd. Majid & Nor Hayati Md. Dahlal, Batu Bersurat di Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam, Jurnal Fiqh, 2010, 7, hlm. 136-138.
- ⁴⁰ Rahimin Affandi Abd. Rahim, Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh di Dalam Sastra Undang-Undang Melayu: Satu Analisa, dalam Muhammad Mokhtar Hassan (ed.), Kesusasteraan dan Undang-Undang, Universiti Malaya: Penerbitan Akademi Pengajian Melayu, 2003, hlm. 158-179.
- ⁴¹ Mohd Nazri Chik, Perlembagaan Itqan Muluk Bi Ta'dil Al-Suluk 1911 ditinjau dari Aspek Latar Belakang dan Pengaruhnya kepada Pelaksanaan Undang-undang Islam di Terengganu, (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan), Akademi Pengajian Islam, Universti Malaya, 2006, hlm. 62-72.
- ⁴² Rahimin Affandi Abd. Rahim, Abdullah Yusof, Ruzman Md. Noor & Nor Adina Abdul Kadir, Pemikiran Pendidikan Islam dalam Sejarah Tradisi Alam Melayu: Analisis Kritikal., dalam Prosiding International Conference of Islamic Civilization and Malay Identity 2011 (ICICMI2011), 2011, hlm. 17-30.
- ⁴³ Lihat Mohamed Redzuan Othman, Pengaruh Timur Tengah dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu, dalam Mohamed Redzuan Othman (ed.), Jendela Masa: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim, Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2011, hlm. 245-247.
- ⁴⁴ Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ulamak dan Paradigma Menangani Kebudayaan Melayu", dalam Hashim Awang, Othman Yatim dan Nor Azita Che Din (ed.), Wacana Budaya, Kuala Lumpur : APMUM, 2006, hlm. 55-80.
- ⁴⁵ Timah Hamzah, Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu: Satu Kajian Ketokohan dan Kepimpinan Haji Abdul Rahman Limbong, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 26-125.
- ⁴⁶ Zainal Abiding Abdul Wahid, Penubuhan Kongres Melayu Se-Malaya Dan Kelahiran UMNO, dalam Zainal Abiding Abdul Wahid et al. (ed.), Malaysia : Warisan dan Perkembangan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 193-195.
- ⁴⁷ Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Hj. Ismail, Mohd. Kamil Abd. Majid & Nor Hayati Md. Dahlal, op. cit, 2010, hlm. 146-147.
- ⁴⁸ Idris Zakaria, Islam dan Amalan Toleransi di Nusantara", dalam Zulkiple Abd. Ghani, Anuar Puteh, H.A. Yaakob Matondang (ed.), Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia, Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), 2003, hlm. 150-164
- ⁴⁹ Sivachandralingam Sundara Raja, Sumbangan Pedagang Negeri (Country Traders) dalam Penulisan Sejarah Malaysia, dalam Mohammad Redzuan Othman (ed.), Jendela Masa; Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2001, hlm. 85-94.
- ⁵⁰ Syed Hussein al-Attas, Mitos Peribumi Malas : Imej Orang Jawa, Melayu dan Filipina dalam Kapitalisme Penjajah, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. xii dan xiii
- ⁵¹ Rahimin Affandi Abdul Rahim, Islam dan Perkembangan Emosi Melayu Selepas Merdeka : Satu Analisis, dalam Zahir Ahmad (ed.), Emosi Melayu, Kuala Lumpur : Apmum, 2005, hlm. 11-42.
- ⁵² Abdul Rahman Embong, Wacana Globalisasi", dalam Norani Othman dan Sumit K Mandal (ed.), Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta Atau Mangsa, Bangi: UKM, 2000, hlm. 34-43.
- ⁵³ Rahimin Affandi Abdul Rahim, Analisis Sejarah Dakwah Dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia, dalam Zulkiple Abd. Ghani (ed.) Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), 2003, hlm. 47-74.
- ⁵⁴ Siddiq Fadhil, Ledakan Maklumat, Revolusi Komunikasi dan Globalisasi : Implikasi Terhadap Jati Diri, dalam Sharifah Azizah Sahil Jamalullail (ed.), Teknologi Maklumat dan Komunikasi : Harapan, Cabaran dan Barakah, Alor Setar: INSANIAH, 2001, hlm. 6.
- ⁵⁵ Muhammad Abu Bakar, Dari Pusat Ke Penggir: Masa Kini dan Masa Depan Pondok di Malaysia, Jurnal Pendidikan Islam, 1990, 3(1), hlm. 10-12.
- ⁵⁶ Hadijah Rahmat, In Search of Modernity: A Study of The Concepts of Literature, Authorship and Notion of Self

- in Traditional Malay Literature, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hlm. 19-22.
- 57 T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge University Press, 1999, hlm. 18-26.
- 58 Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1998, hlm. 96-97
- 59 Moshe Yegar, *Islam and Islamic Institutions in British Malaya*, Jerusalem: Magnes Press, 1979, hlm. 187-234.
- 60 Syed Hussein al-Attas, *The Myth of the Lazy Native*, London: Frank Cass and Company Limited, 1977, hlm. 42-44.
- 61 Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya, 1896-1909*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 276
- 62 Mohammad Redzuan Othman, *The Role of Makka-Educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malaya*, *Journal of Islamic Studies*, 1998, 9(2), hlm. 154.
- 63 Shahrudin Maaruf, *Konsep Wira dalam Masyarakat Melayu*, Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd, 1993, hlm. 99-116.
- 64 Husin Mutalib, *Islam and Ethnicity in the Malay Politics*, Singapore: Oxford University Press, 1990, hlm. 18-19
- 65 Arba'iyah Mohd Noor, *Pensejarahan di dalam Tradisi Barat dan Melayu : Satu Perbandingan Ringkas*, dalam Redzuan Othman (ed.), *Jendela Masa*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2001, hlm. 26-27.
- 66 Md. Salleh Hj. Hasan, *Gejala Globalisasi: Peranan dan Tanggungjawab Institusi Ilmu*, *Jurnal Pendidikan Islam*, 1999, 8(3), hlm. 34-39.
- 67 Rahmah Hashim, *Industrialisasi dan Globalisasi: Cabaran Teknologi Komunikasi dan Kesannya Terhadap Kelangsungan Pendidikan Generasi*, *Jurnal Pendidikan Islam*, 1999, 8(3), hlm. 55-60.
- 68 Lihat Fawaz A. Gerges, *America and Political Islam: Clash of Cultures or Clash of Interest*, Cambridge: Cambridge University Press, 1999, hlm. xiii dan 20-35.
- 69 *Ibid.*, hlm. 16.
- 70 Lukman Z. Mohamad, *Globalisasi dan Budaya Global: Ancaman Baru Kepada Masyarakat Dunia*, dalam Lukman Z. Mohamad (ed.), *Globalisasi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, 2003, hlm. 9-14.
- 71 Abdul Rahman Embong, *op. cit.*, 2000, hlm. 27-28.
- 72 Asep Syamsul M. Romli, *Demonologi Islam : Upaya Barat Membasmi Kekuatan Islam*, Jakarta: Gema Insani, 2000, hlm. 8-19.
- 73 Lukman Z. Mohamad, *op. cit.*, 1999, hlm. 9-12.
- 74 Lihat Mohd. Yusof Hj. Othman, *Teknologi Maklumat, Harapan dan Cabaran di Alaf Baru*, dalam Sharifah Azizah Sahil Jamalullail (ed.), *Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Harapan, Cabaran dan Barakah*, Alor Setar: INSANIAH, 2001, hlm. 44.
- 75 Zakaria Stapa, *Negara Malaysia yang Maju dan Berakhlak Mulia : Realiti dan Kemungkinan*, *Jurnal IKIM*, 5(1), 1997, hlm. 123-145.
- 76 Zakaria Stapa, *Ancaman Pasca Moden dan Faham Modenisme Terhadap Akidah dan Akhlak Umat Islam Masa Kini*, *al-Maw'izah*, 1999, 7, hlm. 1-14.
- 77 Hashim Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*, Kuala Lumpur : APMUM, 2001, hlm. 36.
- 78 Hassan Langgulung, *Menghadapi Abad Kedua Puluh Satu*, *Syarahan Perdana jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia*, pada 29 Oktober 1987, Bangi, hlm. 31.

RUJUKAN

- Abd. Jalil Borhan. 1996. Sumbangan ulama dalam perkembangan Islam di Alam Melayu. *Jurnal Syariah* 4 (2): 276-277.
- Abdul Aziz Mat Tom. 2000. *Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 1990. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . 1994. *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tarikat*. Kuala Lumpur: Penerbit Kintan.
- Abdul Rahman Aziz. 2000. *Pekerjaan dalam Kehidupan Manusia*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. 2000. Wacana Globalisasi. Dlm. *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa*, disunting oleh Norani Othman dan Sumit K. Mandal. Bangi: UKM.
- Abdul Rahman Haji Ismail. 1995. Nasionalisme Melayu dan Nasionalisme Melayu Setengah Melayu: Satu Perbincangan Tentang Soal Permulaannya. Dlm. *Isu-Isu Pensejarahan (Esei Penghargaan Kepada Dr. S. Suntharalingam)*, 163-192. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Abdullah Bukhari bin Abdul Rahim. 2004. *Pemodenan & Pembaharuan di dalam Pengajian Tafsir al-Quran: Kajian ke arah Penubuhan Pengkalan Data Tafsir al-Quran*. Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Adnan Haji Nawang. 1998. *Za'ba dan Melayu*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid. 2011. *Merekonstruksi Sejarah Islam di Alam Melayu: Analisis Occidentalism*. Kertas kerja yang dibentangkan di *World Congress for Islamic History and Civilization (WOCIHAC 2011)*, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, pada 10-11/2011.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2001. *Pensejarahan di Dalam Tradisi Barat dan Melayu: Satu Perbandingan Ringkas*. Dlm. *Jendela Masa*, disunting oleh Redzuan Othman, 26-27. Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya.
- Asep Syamsul M. Romli. 2000. *Demonologi Islam: Upaya Barat Membasmi Kekuatan Islam*. Jakarta: Gema Insani.
- Awang Hadi Salleh. 2000. *Patriotisme dan Globalisme dalam Konteks Pergerakan Bahasa dan Sastra Kebangsaan*. Dlm. *Globalisme dan Patriotisme dalam Sastra Melayu: Kumpulan Kertas kerja Hari Sastra 1995*, disunting oleh Abdul Latiff Abu Bakar, 1-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- B. J. O.Schrieke. 1957. *Indonesian Sociological Studies*. Bandung: Penerbit Van Hoeve.
- Bird, I. 1967. *The Golden Chersonese and the Way Thither*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Chai Hon Chan. 1967. *The Development of British Malaya, 1896-1909*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Gerges, F. A. 1999. *America and Political Islam: Clash of Cultures or Clash of Interest*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Hadijah Rahmat. 2001. *In Search of Modernity: A Study of the Concepts of Literature, Authorship and Notion of Self in Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*. Kuala Lumpur: APMUM.
- Hassan Langgulong. 1987. *Menghadapi Abad Kedua Puluh Satu*. Syarahan Perdana jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 29 Oktober 1987, Bangi.
- Hurgronje, C. S. 1970. *Mekka in the Latter Part of the 19th Century*. Leiden: E. J. Brill.
- Husin Mutalib. 1990. *Islam and Ethnicity in the Malay Politics*. Singapore: Oxford University Press.
- Ibrahim Abu Bakar. 1994. *Islamic Modernism in Malaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Idris Zakaria. 2003. Islam dan Amalan Toleransi di Nusantara. Dlm. *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*, disunting oleh Zulkiple Abd. Ghani, Anuar Puteh, H. A. Yaakob Matondang, 150-164. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU).
- Jaffary Awang. 2000. The Notion of Ummah in Islam: The Response of Malay Muslim Intellectuals in Malaysia. Tesis Ph.D University of Birmingham.
- Kamaruddin Jaffar. 2000. *Dr. Burhanuddin Al-Helmy; Pemikiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: IKDAS.
- Lukman Z. Mohamad. 2003. Globalisasi dan budaya global: Ancaman baru kepada masyarakat dunia. Dlm. *Globalisasi di Malaysia*, disunting oleh Lukman Z. Mohamad. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Md. Salleh Hj. Hasan. 1999. Gejala globalisasi: Peranan dan tanggungjawab institusi ilmu. *Jurnal Pendidikan Islam* 8(3): 34-39.
- Mohamed Redzuan Othman. 2001. Pengaruh Timur Tengah dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu. Dlm. *Jendela Masa: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*, disunting oleh Mohamed Redzuan Othman, 245-247. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Mohammad Redzuan Othman. 1998. The role of Makka-Educated Malays in the development of early Islamic scholarship and education in Malaya. *Journal of Islamic Studies* 9 (2): 154
- Mohd Farhan Abd Rahman dan Rahimin Affandi Abd Rahim. 2012. Undang-undang Islam dalam masyarakat Melayu: Analisis terhadap bentuk pemikiran dan pandangan R.O. Winsted. *Jurnal Fiqh* 9.
- Mohd Hazim Shah Abdul Murad. 2005. Epistemology colonial: Satu analisis sistem ciri dan kesannya. Dlm. *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, disunting oleh Mohamad Daud Mohamad, 91-92. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nazri Chik. 2006. Perlembagaan Itqan Muluk Bi Ta'dil Al-Suluk 1911 ditinjau dari Aspek Latar Belakang dan Pengaruhnya kepada Pelaksanaan Undang-undang Islam di Terengganu. Tesis sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd. Yusof Hj. Othman. 2001. Teknologi Maklumat, Harapan dan Cabaran di Alaf Baru. Dlm. *Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Harapan, Cabaran dan Barakah*, disunting oleh Sharifah Azizah Sahil Jamalullail, 44. Alor Setar: INSANIAH.
- Moshe Yegar. 1979. *Islam and Islamic Institutions in British Malaya*. Jerusalem: Magnes Press.
- Muhammad Abu Bakar. 1990. Dari pusat ke penggiriran: Masa kini dan masa depan pondok di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam* 3 (1): 10-12
- Nabir Abdullah. 1987. Turki dan Alam Melayu: Tinjauan terhadap sejarah hubungan keduanya. *Jebat* 15:129-142.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2010. Pemodenan dan Kesejahteraan Manusia dari Perspektif Orientalisme. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, Fakulti Usuluddin, UNISSA, Brunei, pada 24-25 Februari 2010.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Abdullah Yusof, Ruzman Md. Noor & Nor Adina Abdul Kadir. 2011. Pemikiran pendidikan Islam dalam sejarah tradisi alam Melayu: Analisis kritikal. Dlm. *Prosiding International Conference of Islamic Civilization and Malay Identity 2011 (ICICMI201)*.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2003. Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh di dalam Sastera Undang-undang Melayu: Satu Analisa. Dlm. *Kesusasteraan dan Undang-Undang*, disunting oleh Muhammad Mokhtar Hassan, 158-179. Universiti Malaya: Penerbitan Akademi Pengajian Melayu.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2006. Ulamak dan Paradigma Menangani Kebudayaan Melayu. Dlm. *Wacana Budaya*, disunting oleh Hashim Awang, Othman Yatim dan Nor Azita Che Din, 55-80. Kuala Lumpur: APMUM.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Hj. Ismail, Mohd. Kamil Abd. Majid & Nor Hayati Md. Dahlal. 2010. Batu Bersurat di Terengganu: Satu tafsiran terhadap pelaksanaan Syariah Islam. *Jurnal Fiqh* 7:18-45.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ruzman Mohd Noor & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2011. Metodologi disiplin occidentalisme alternatif: Tumpuan khusus terhadap pandangan orientalis terhadap hukum Islam. *Jurnal Syariah* 19 (3): 213-248
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2000. Kebudayaan Melayu dan Islam di Nusantara: Satu Analisa Pengkaedahan. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000, Anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, pada 7-8 November 2000.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2003. Analisis Sejarah Dakwah dan Jalanan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia. Dlm. *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, disunting oleh Zulkiple Abd. Ghani, 47-74. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU).
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2005. Islam dan Perkembangan Emosi Melayu Selepas Merdeka: Satu Analisis. Dlm. *Emosi Melayu*, disunting oleh Zahir Ahmad, 11-42. Kuala Lumpur: APMUM.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2012. Formula Ketatanegaraan Melayu-Islam di Alam Melayu: Rujukan Khusus Kepada Perlembagaan Itqan Al-Muluk. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2012, Pulau Jerjak Rainforest Resort, pada 15-16 Oktober 2012.
- Rahmah Hashim. 1999. Industrialisasi dan globalisasi: Cabaran teknologi komunikasi dan kesannya terhadap kelangsungan pendidikan generasi. *Jurnal Pendidikan Islam* 8 (3): 55-60.

- Saleh Faghizadeh. 2004. *Sosiologi Sosiologi*. Terj. Mohd Fauzi Yaacob. Kuala Lumpur: ITNMB.
- Shaharuddin Maaruf. 1993. *Konsep Wira dalam Masyarakat Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1983. Perancangan Pembangunan Negara Selepas Merdeka 1957-1975: Tinjauan Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Malaysia. Dlm. *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, disunting oleh Kay Kim, Khoo & Jazamuddin Baharuddin, 337-339. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Siddiq Fadhil. 2001. Ledakan maklumat, revolusi komunikasi dan globalisasi: Implikasi terhadap jati diri. Dlm. *Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Harapan, Cabaran dan Barakah*, disunting oleh Sharifah Azizah Sahil Jamalullail, 6. Alor Setar: INSANIAH.
- Sivachandralingam Sundara Raja. 2001. Sumbangan Pedagang Negeri (Country Traders) dalam Penulisan Sejarah Malaysia. Dlm. *Jendela Masa; Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*, disunting oleh Mohammad Redzuan Othman, 85-94. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Hussein al-Attas. 1977. *The Myth of the Lazy Native*. London: Frank Cass and Company Limited.
- Syed Hussein al-Attas. 1991. *Mitos Peribumi Malas: Imej Orang Jawa, Melayu dan Filipina dalam Kapitalisme Penjajah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- T.N. Harper. 1999. *The End of Empire and the Making of Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Timah Hamzah. 1981. *Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu: Satu Kajian Ketokohan dan Kepimpinan Haji Abdul Rahman Limbong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tisdall, C. 1916. Ideas of Mohammedan Malaya. Dlm. *The Missionary Review of the World*, v. xxxiv. New York: Funk and Wagnalls.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2001. *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Suatu Kefahaman Baru yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- William Roff. 1980. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Borhan. 2000. Pantun dan Peribahasa Melayu: Persoalan Jati Diri dan Patriotisme. Dlm. *Globalisme dan Patriotisme dalam Sastera Melayu*, disunting oleh Abdul Latiff Bakar, 45-58. Kuala Lumpur: APMUM.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 1992. Penubuhan Kongres Melayu Se-Malaya dan Kelahiran UMNO. Dlm. *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*, disunting oleh Zainal Abidin Abdul Wahid et al., 193-195 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. 1999. Keranamu Malaysia: Negara itu adalah akar umbi kehidupan dan essensi kewujudan manusia. *Perpaduan* 3: 4-11.
- Zakaria Stapa. 1997. Negara Malaysia yang maju dan berakhlak mulia: Realiti dan kemungkinan. *Jurnal IKIM* 5 (1).
- Zakaria Stapa. 1999. Ancaman pasca moden dan faham modenisme terhadap akidah dan akhlak umat Islam masa kini. *al-Maw'izah* 7: 1-14.

Rahimin Affandi Abd. Rahim
Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
E-mail: faqir_ila_rabbih@um.edu.my

Abdullah Bukhari Abdul Rahim
Jabatan Tilawah al-Quran,
Pusat Bahasa dan Perkembangan Akademik Pra Universiti
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Ridzwan Ahmad
Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Muhammad Ikhlas Rosele
Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
E-mail: ikhlas.rosele@yahoo.com

Diserahkan: 18 Februari 2015
Diterima: 16 Januari 2016